

**GAGAK GUNUNG**  
Common Green Magpie

FAMILI: Corvidae  
NAMA SAINTIFIK: *Cissa chinensis*



**CIRI-CIRI**

Spesies ini mempunyai bulu yang berwarna hijau dengan warna perang pada bahagian sayap. Bahagian paruh pula berwarna merah terang dan juga pada gelang sekitar mata. Selain itu, terdapat juga tompokan bulu berwarna kuning pada bahagian atas paruh dan tompok garis hitam di kedua-dua belah muka. Bagi burung juvenil pula, ia mempunyai perwarnaannya yang lebih pudar berbanding burung dewasa terutama bahagian bawah perut hingga bawah tongkeng, paruh yang berwarna lebih coklat dan warna yang lebih pudar pada bahagian sekeliling mata dan kaki. Panjang keseluruhan bagi spesies ini adalah di antara 37.0-40.5 sm panjang.

**MAKANAN**

Ia mempunyai diet yang pelbagai termasuklah invertebrata besar, reptilian, amfibia, anak burung, telur, dan buah-buahan.

**HABITAT**

Terdapat di kawasan hutan dipterokap dan hutan luruh hinggalah ke ketinggian 1,800 m.

**BUNYI**

Ia mengeluarkan bunyi yang kuat dan pelbagai. Ia mengeluarkan siri bunyi yang bernada tinggi *wi-chi-chi jao, wi-chi-chi jao wihitchit wi-chi-chi jao...* Apabila merasa kurang senang, ia akan mengeluarkan bunyi garau seakan jujukan memarahi secara mengijla *chakakakakakak* atau *chakakak-wi* dengan nota terakhir yang lebih kuat.

**PEMBIAKAN**

Musim membiak adalah dari bulan Mac hingga Julai setiap tahun dengan burung betina mampu menghasilkan 3-6 biji telur bagi setiap eraman di dalam sarang yang dibina di dalam semak samun, anak pokok atau rumpun buluh.

**STATUS**

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.